

## Family Variables and Self Concept Variables (Part 23)

Siti Sarawati Binti Johar

Ibu bapa Melayu juga akan berusaha melindungi anak-anak mereka daripada menghadapi masalah hidup seperti kewangan, tempat tinggal atau kekeluargaan selagi mereka mampu melakukannya. Masalah yang dihadapi oleh ibu bapa kurang atau langsung tidak dibincangkan secara terbuka bersama anak-anak selagi mereka mampu menyembunyikan hakikat itu. Sebagai contoh, satu daripada kepercayaan masyarakat Melayu ialah ‘jangan katakan tidak ada duit, walaupun kita sebenarnya tidak ada duit, nanti rezeki hilang’. Pandangan tentang proses pematangan ini juga dapat dilihat daripada aspek makanan. Kanak-kanak diberi kebebasan memilih apa, bila dan di mana mereka hendak makan. Apa sahaja makanan yang dikehendaki oleh kanak-kanak diberi oleh ibu bapa kerana mereka percaya bahawa jika tidak diberi, anak itu akan kempunan. Selain kepercayaan tentang kempunan, alasan yang biasa diberi ialah, *‘kanak-kanak memang begitu, hanya apabila mereka besar mereka tahu mereka tidak boleh makan apa sahaja.’*

Walaupun terdapat peribahasa Melayu yang berbunyi ‘jika melentur buluh, biarlah dari rebungnya’, namun iktibar daripada peribahasa itu jarang diamalkan. Ibu bapa yang terlalu tegas berusaha untuk ‘melenturkan’ anak-anaknya akan dilabel seperti ‘bapa tiri’ dan akan ditegur oleh mobiliti sosial seperti ibu bapa, adik beradik atau saudara mara. Masyarakat Melayu membenarkan ibu bapa menggunakan deraan berpada-pada sahaja, iaitu deraan dibenarkan asalkan deraan itu tidak mencederakan atau memudaratkan fizikal anak. Walaupun seseorang anak dimanjakan, ibu bapa mengharapkan anak mereka menjadi matang apabila menghampiri alam remaja. Jika transformasi ke arah kematangan ini tidak berlaku, ibu bapa mulai berasa kecewa dan muai menggunakan paksaan dan deraan untuk membentuk tingkah laku. Pada peringkat fasa ini, anak yang terlalu manja kemudiannya dikesan tidak lagi menghormati dan memahami kehendak ibu bapa yang dianggap sebagai ‘diberi bahu, hendak kepala’, ekoran tindakan untuk menghukum dan mendera seolah-olah agak terlewat dan konsep didikan sukar diterjemahkan oleh anak-anak secara rasional.

Secara generalisasinya, *implikasi* contoh gaya dan cara didikan ibu bapa Melayu seperti di atas menjadi suatu elemen yang penting membawa kepada kesan dan akibat pada gaya peribadi dan konsep sendiri anak-anak Melayu amnya dan anak-anak Islam khususnya. Maka tidak mustahil, wujudlah ketidakseimbangan pembangunan personaliti sehingga seolah-olah memberi laluan untuk merealitkan tanggapan umum bahawa anak-anak Melayu mempunyai penyakit malas dan sukar berdikari untuk menjadi insan yang berjaya dan berilmu. Anak-anak Melayu turut dikesan menyumbang peratus paling tinggi dalam kes penagihan dadah di

Malaysia, beserta peratus paling tinggi dalam kesalahan juvana di Sekolah Henry Gurney dan mengisi ruang-ruang kosong di Sekolah Pemulihan Akhlak.

Ia sinonim dengan situasi kelemahan peribadi anak-anak Melayu yang kurang berjaya membentuk jati diri yang mempunyai prinsip ekoran daripada berlaku sesuatu yang tidak kena dalam gaya didikan oleh ibu bapa atau keluarga. Nilai keagamaan sering dibelakangkan, sehingga kedapatan ramai anak bumiputera yang tidak tahu membaca Al-Qur'an dan bersembahyang. Seandainya kepincangan ini berterusan, pasti generasi yang wujud gagal untuk kembali kepada tuhan dalam apa juga tindakan dan merasakan segalanya adalah suatu hiburan semata-mata. Pastinya, ini sememangnya mempunyai hubung kait rapat dengan cara didikan ibu bapa dan iklim adik beradik yang dibentuk oleh ibu bapa itu sendiri.

CONTINUE...